



E-BULETIN EKSA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

► EDISI JULAI - SEPTEMBER 2018 ◀



Taklimat Pemantapan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)



Pada 4 Julai 2018, Jawatankuasa Latihan Induk EKSA telah menganjurkan Taklimat Pemantapan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Pertama bagi Penyelaras Zon dan Juruaudit peringkat Ibu Pejabat KKM. Taklimat tersebut telah diadakan di Bahagian Pengurusan Latihan, Menara Prisma, Putrajaya. Seramai 60 peserta telah menghadiri sesi taklimat tersebut yang terdiri daripada semua zon di Ibu Pejabat KKM.



Taklimat Pemantapan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Ke-2



Pada 26 September 2018, Jawatankuasa Latihan Induk EKSA telah menganjurkan Taklimat Pemantapan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Ke-2 bagi Penyelaras Zon dan Juruaudit peringkat Ibu Pejabat KKM. Taklimat tersebut telah diadakan di Bahagian Sains Bersekutu, Jalan Diplomatik 2, Persint 15. Seramai 30 peserta menghadiri sesi taklimat tersebut yang terdiri daripada beberapa zon di Ibu Pejabat KKM.



Kursus Pemantapan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)



Pada 25 Julai 2018, Jawatankuasa Latihan Induk EKSA telah menganjurkan Kursus Pemantapan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) di tempat kerja. Kursus tersebut diadakan di Pejabat Kesihatan Wilayah Persekutuan Putrajaya Presint 11, Putrajaya. Seramai 50 peserta yang hadir sesi taklimat tersebut yang terdiri daripada semua zon di Ibu Pejabat KKM.



Lawatan Penanda Aras EKSA Ke Zon Kejuruteraan KKM



Pada 6 Februari 2018, seramai 25 orang daripada Jabatan Alam Sekitar, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur telah melakukan Lawatan Penanda Aras EKSA ke Zon Kejuruteraan Kementerian Kesihatan Malaysia.



Lawatan Penanda Aras Pelaksanaan EKSA Daripada Zon Kawalan Ke Zon Perancang, KKM



Zon Kawalan, KKM telah mengadakan lawatan Penanda Aras Pelaksanaan EKSA di Zon Perancang pada 9 Mac 2018. Seramai 20 orang peserta terlibat dengan lawatan ini terdiri daripada anggota di cawangan dan sektor Bahagian Kawalan Penyakit yang diketuai oleh Dr Mohamad Naim selaku penyelaras EKSA bagi Zon Kawalan. Antara tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk memupuk kefahaman konsep dan amalan EKSA di kalangan anggota Bahagian Kawalan Penyakit serta berkongsi pengalaman dan pengetahuan berkenaan

Amalan EKSA dengan Zon Perancang. Sesi dimulakan dengan taklimat oleh En Azmi bin A Samad selaku penyelaras @ fasilitator Zon Perancang diikuti jamuan ringan dan lawatan ke setiap unit / sektor di Zon Perancang. Sesi diakhiri dengan sesi penyampaian cenderahati oleh Dr. Naim kepada En. Azmi sebagai penghargaan di atas penerimaan lawatan Zon Kawalan untuk melakukan lawatan Penanda Aras Pelaksanaan EKSA.

Penyampaian Hadiah EKSA 2017

Majlis penyampaian hadiah Pertandingan EKSA 2017 untuk kategori zon, iaitu pertandingan Video Mannequin Challenge dan untuk kategori individu, iaitu pertandingan Foto Rakan EKSA telah diadakan pada 25 Julai 2018. Penyampaian sijil dan hamper telah disampaikan oleh Puan Yamuna Perimalu selaku Ketua Jawatankuasa Promosi EKSA.

Nama pemenang Pertandingan Zon Video Mannequin Challenge:

1. Zon Undang-Undang
2. Zon Perolehan
3. Zon Amalan

Nama pemenang Pertandingan Individu Foto Rakan EKSA:

1. Puan Nashila bt Mohd Ayob (Bahagian Pembangunan)
2. Dr. Siti Sara bt Yaacob (Bahagian Perkembangan Perubatan)
3. Dr. Majdah bt Mohamed (Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga)
4. Puan Rosnani bt Abdul Latip (Bahagian Perkembangan Perubatan)
5. Encik Ahmad Fauzi bin Mansor (Bahagian Perkembangan Perubatan)

**MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH
PERTANDINGAN EKSA 2017**

The first photo shows two women receiving a basket of gifts from a man. The second photo shows a woman receiving a basket of gifts from a man. The third photo shows two women receiving a basket of gifts from a man. Each photo has a yellow ribbon badge with a red number 1, 2, or 3.

PEMENANG MANNEQUIN CHALLENGE

The first row shows three photos of women receiving awards and gifts. The second row shows two photos of men receiving awards and gifts. Each photo has a yellow ribbon badge with a red number 1 through 5.

**PEMENANG
FOTO RAKAN EKSA**

Jawatankuasa Promosi Induk EKSA IPKKM

SIDANG PENGARANG E-BULETIN EKSA KKM

Penasihat

YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ketua Pengarang

Puan Yamuna Perimalu

Pengarang

Za'aba Hj. Abu Bakar
Nor Suraiti bt Madianuddin
Mona Ang
Mohd Iswandy bin Wally

Sidang redaksi e-Buletin EKSA KKM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan pengurusan tertinggi KKM dan semua bahagian di KKM yang menjayakan penerbitan e-Buletin EKSA KKM Edisi Julai-September 2018.



Sidang Redaksi e-Buletin KKM
Unit Komunikasi Korporat
Aras 4, Blok E7
Kementerian Kesihatan Malaysia, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya Malaysia.

Tel : 03-8883 3481 / 3675

Faks : 03-8888 6187

E-mel : mona.ang@moh.gov.my



<https://www.facebook.com/EKSA.KKM/>



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
Aras 4, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya Malaysia.
2018